

SENARAI PERKATAAN PALING KERAP BERULANG BAHASA ARAB BERSERTA TERJEMAHAN KE BAHASA MELAYU. Oleh Wan Rusli Wan Ahmad, Muhammad Sabri Sahrir dan Badrul Aini Sha'ari. al Manar Resources, Batu Caves. 2019. Halaman 206. eISBN: 978-967-16684-2-9

Buku ini merupakan salah sebuah karya hasil projek kursus EDL 2119, Kuliyyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Karya ini disemak oleh Erfan Abdalnaem dan Zulkarnain Dollah serta disunting oleh Wan Rusli Wan Ahmad, Muhammad Sabri Sahrir dan Badrul Aini Sha'ari. Buku ini diterbitkan pada tahun 2019 oleh al Manar Resources, Batu Caves, Selangor. Buku ini secara umumnya memberikan tumpuan kepada keutamaan menguasai kata dan penyenaian perkataan paling kerap berulang dalam bahasa Arab. Tema dan pola penghasilan karya terarah kepada satu usaha membangun kosa kata penuntut bahasa Arab yang membantu penguasaan bahasa mereka kelak.

Perkataan merupakan unit asas bagi sesuatu bahasa. Pemilikan sejumlah perkataan yang mencukupi adalah perlu bagi membolehkan penuturnya berhubung dan berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling. Komunikasi pasti tidak akan wujud tanpa kata dan pemerolehan kata yang terhad bakal menggugat suatu interaksi bahasa.

Perkataan merupakan alat untuk menyampaikan hasrat dan idea. Perkataan digunakan untuk mengungkap hasrat dan memahamkan individu di sekelilingnya. Perbendaharaan kata juga adalah alat untuk memahami kehendak individu lain menerusi satu situasi interaksi yang responsif.

Kenyataan ini memberikan isyarat jelas tentang kedudukan kata dalam kalangan pelajar dan penutur. Kata merupakan komponen penting yang perlu diberi penekanan dalam penggunaan bahasa dan penguasaannya seharusnya berterusan. Seseorang pelajar, penuntut mahupun penutur perlu memiliki sejumlah kata yang munasabah dan mencukupi bagi memudahkannya melalui situasi-situasi bahasa dengan baik.

Bahasa Arab merupakan bahasa yang amat kaya dengan perkataan dan kosa kata. Dianggarkan, bahasa ini memiliki sekitar dua juta perkataan yang terdiri daripada perkataan tidak berulang. Antara ciri-ciri keistimewaan yang dikaitkan dengan perkara ini adalah prinsip *isytiqaq* atau derivasi. Ciri ini menjadikan bahasa Arab memiliki khazanah perbendaharaan kata yang besar dan sangat luas.

Khazanah kata yang sangat luas ini merupakan satu cabaran bagi pelajar dan penuntut bahasa Arab. Sememangnya mustahil untuk seseorang penutur jati menguasai semua perkataan yang ada dalam bahasa ibundanya. Penutur jati yang matang dan memiliki tahap Pendidikan yang baik dianggarkan menguasai sekitar 12,000 perkataan.

Berbeza keadaannya dalam konteks pemerolehan bahasa kedua. Bagi penutur bahasa kedua, sekurang-kurangnya 3000-4000 perkataan perlu dikuasai bagi mencapai tahap kecekapan asas bahasa. Jumlah ini juga bukan sedikit dan pelajar berhadapan cabaran untuk mengingat dan menguasai kata yang banyak ini, manakala guru pula berhadapan kesukaran untuk menentukan perkataan mana yang perlu diberi keutamaan dalam pengajaran agar pelajar dapat dibekalkan dengan kosa kata yang bermanfaat dan mencukupi.

Karya ini dihasilkan dengan tujuan memenuhi keperluan membekal perkataan asas kepada pelajar. Ia juga mampu dijadikan panduan kepada guru dalam memilih kata yang berkeutamaan

dan perlu ditekankan peranannya dalam usaha menguasai bahasa Arab. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, keupayaan menguasai 3000 hingga 4000 perkataan didapati memadai dan munasabah bagi tujuan memahami bahasa seterusnya dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik.

Kumpulan penulis buku ini membawa aspirasi penekanan pada perbendaharaan kata dalam karya mereka. Buku ini membuka dimensi baharu dalam tumpuan kepada aspek kata. Ia cuba merungkai permasalahan yang sering timbul dalam pemilihan dan penentuan kata yang sangat diperlukan oleh pelajar untuk melalui situasi pembelajaran dan interaksi bahasa.

Selain dari itu, dimensi tumpuan juga diberikan kepada apakah perkataan yang kerap digunakan dalam kehidupan seharian dan bagaimana ia perlu dikuasai. Dimensi tumpuan ini turut memberi penekanan kepada makna yang dominan dan biasa digunakan bagi perkataan-perkataan terpilih.

Usaha penyenaian perkataan yang dianggap biasa dan kerap digunakan telah mendapat perhatian banyak pengkaji dan pakar-pakar bahasa. *Qa'imah Makkah Li al-Mufradat al-Sya'iat* terbitan Universiti Umm al-Qura di Mekah pada tahun 1984 merupakan antara senarai kata bahasa Arab penting dalam bidang kajian ini. Karya ini menyenaraikan sekitar 5000 perkataan paling kerap digunakan. Di Malaysia, antara tokoh penting yang membuat penyenaian kata adalah Profesor Madya Dr. Abdul Rahman Chik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kumpulan penulis dan penyunting buku ini memulakan perbincangan mereka dengan menjelaskan keutamaan dan kepentingan menguasai kata. Penulis memusatkan perbincangan dalam kata pengantar kepada sasaran menguasai 3000 hingga 4000 kata sebagai bekalan untuk penguasaan bahasa Arab.

Buku ini merupakan usaha menyenarai semula perkataan yang kerap digunakan dan sering ditemui dalam bahasa Arab. Buku ini disusun berpandukan *Qa'imah Makkah Li al-Mufradat al-Sya'iat* terbitan Universiti Umm al-Qura, namun penyenaian ini dihadkan kepada 3650 perkataan sahaja. Perkataan yang dipilih dan diekstrak daripada senarai Mekah ini melalui proses perubahan dan pengemaskinian.

Di antara perubahan yang dibuat daripada senarai asal adalah proses nyah senarai. Proses ini merupakan proses menggugurkan perkataan daripada senarai Mekah dan paksinya adalah faktor masa. Perkataan yang tidak digunakan pada zaman kini seperti طابع yang bermaksud setem dan برقية yang bermaksud telegram digugurkan daripada senarai dalam buku ini.

Perkataan yang tidak mempunyai kata dasar seperti kata sendi, kata pertanyaan, perkataan yang senang dibentuk seperti kata nama terbitan dan nama pelaku, sebahagiannya juga dikeluarkan daripada senarai yang baharu. Ada di antaranya diletakkan dalam bahagian lampiran dan dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Perkataan yang berkaitan dengan aspek bilangan dan angka serta kata yang dipinjam oleh bahasa Melayu seperti جنين, ختان, وضوء, جمع juga digugur dari senarai asal dan tidak dimasukkan dalam senarai yang baharu. Manakala bagi sesetengah perkataan yang sedia ada seperti شبك yang digunakan dengan makna 'pukat' ditambah makna baharu iaitu 'Internet'. Walau bagaimana pun, terdapat juga perkataan yang diserap dalam bahasa Melayu tidak digugurkan.

Perkataan-perkataan yang disenaraikan dalam senarai ini diterjemah ke dalam bahasa Melayu berdasarkan makna yang biasa ditemui. Setiap perkataan kebiasaannya memiliki beberapa makna, justeru, makna yang diberikan adalah mengikut konteks yang biasa digunakan. Buku ini hanya mengemukakan satu atau dua makna sahaja untuk memudahkan hafalan dan ingatan. Semua perkataan disusun semula berdasarkan kata dasar dan disusun mengikut susunan abjad secara sistematik.

Sebelum pembaca meneruskan pembacaan, panduan dan simbol yang digunakan dalam buku ini perlu terlebih dahulu diteliti. Antara simbol yang perlu diberikan perhatian adalah tanwin dan alif lam ال. Apabila berjumpa dengan kedua-dua tanda ini pembaca perlu maklum bahawa perkataan tersebut adalah kata nama.

Simbol ج merupakan simbol yang kerap ditemui dalam buku ini. Simbol ini tidak berbeza dengan symbol yang digunakan oleh kebanyakan kamus bahasa Arab dan kamus dwibahasa. Perkataan yang datang selepas simbol ini adalah kata jamak (*plural*).

Tanda (-) antara perkataan seperti ini menunjukkan perkataan ini ialah kata kerja (verb). Yang paling kanan ialah madhi (sudah berlalu) dan selepas (-) adalah mudhari' (sedang atau akan berlaku). Keduanya mesti dingati secara bersama. Kata kerja mempunyai bentuk dan acuan (*wazn*) yang tetap.

Simbol seterusnya adalah dua titik (..) Simbol ini memberi isyarat bahawa perkataan ini biasanya ditemui berganding dengan perkataan lain. Contoh: بعد الصلاة. kebiasaannya ia berkait kata yang dikategori sebagai zorof.

Huruf (ال) dalam kurung bermaksud perkataan ini selalunya ditemui bersama ال. Jadi perkataan ini ditemui dalam bentuk seperti الثلاثاء. Tanda (٠) pula menunjukkan dua perkataan ini digunakan dengan makna yang sama atau hampir sama seperti وعد, ميعاد. Dan yang terakhir adalah tanda – yang berada antara dua perkataan. Ia bermaksud pecahan kata dari kata kerja madhi ke mudari' atau kepada kata terbitan (masdar) bagi kata yang bertanwin (ُ).

Buku ini mempunyai dua bahagian utama. Bahagian pertama adalah senarai perkataan beserta makna dan bahagian kedua merupakan lampiran-lampiran yang berkaitan dengan kata yang tiada dalam senarai dan beberapa acuan (*wazn*) yang penting. Buku ini juga turut disertakan dengan petua mengingat, panduan dan simbol.

Bahagian pertama adalah intipati karya akademik ini. Dalam bahagian ini, penulis menyenaraikan keseluruhan perkataan yang dipilih mengikut metodologi penyenaian yang telah dijelaskan. Penyenaian ini melibatkan 3650 perkataan paling kerap berulang dalam bahasa arab beserta kata dasar dan terjemahan ke bahasa melayu.

Penyenaian yang dibuat berasaskan kata dasar ini menunjukkan bahawa pembaca perlu berinteraksi dengan 3650 entri kata. Bilangan entri ini dihitung dengan mengambil kira pengulangan dan ia adalah seperti berikut: alif (129), ba' (185), ta' (37), tha' (37), jim (166), ha' (254), kha' (160), dal (103), dzal (37), ra' (171), zay (48), sin (224), shin (154), sad (138), dhad (64), tho' (105), dzho' (22), 'ain (286), ghayn (91), fa' (155), qof (230), kaf (122), lam (100), mim (146), nun (220), ha' (66) wau (185) dan ya' (15).

Perkataan yang disenaraikan dalam buku ini disusun mengikut abjad. Susunan abjad ini dibuat berpaksikan kata dasar. Perkataan yang kerap digunakan dan diekstrak daripada senarai Mekah ini mungkin datang dalam pelbagai bentuk acuan (*wazn*), namun kata dasar perkataan tersebut adalah asas susunan penyenaian.

Sebagai contoh, perkataan pertama yang diletakkan dalam senarai adalah أَبَدٌ. Perkataan ini dalam bahasa Melayu bermaksud selamanya. Kata dasar bagi perkataan ini adalah أَبَدٌ. Susunan abjad merupakan asas penyusunan kata, maka itulah kewajaran perkataan ini diletakkan sebagai perkataan yang pertama dalam senarai ini.

Pembaca dan pengguna senarai kata ini dijangka masih perlu membuat rujukan kepada kamus. Ini kerana setiap kata dasar yang diberikan dalam senarai ini tidak memiliki baris. Seperti yang diketahui, menentukan baris kata, terutama kata dasar sememangnya menjadi kesukaran kepada pelajar.

Beberapa perkataan yang kerap digunakan dan memiliki kata dasar yang sama, ia juga disenaraikan secara berturutan dalam satu entri. Sebagai contoh, perkataan أَثَرَ، أَثْرًا، أَثَرًا، أَثَرًا، أَثَرًا، أَثَرًا، أَثَرًا، أَثَرًا، أَثَرًا، أَثَرًا. Susunan perkataan yang terhasil daripada kata dasar tersebut juga disusun mengikut abjad dan bukan kekerapan.

Bahagian kedua dalam buku pula memberikan tumpuan kepada beberapa kelompok perkataan yang ditentukan berdasarkan beberapa kriteria. Antaranya senarai perkataan tanpa kata dasar, bentuk kata ganti nama & perubahannya, *wazn* (acuan) kata kerja & pelaku, pembentukan masdar (nama terbitan), kata nama pelaku dan ujian kosa kata.

Dalam lampiran satu penulis menyenaraikan perkataan tanpa kata dasar. Perkataan-perkataan ini dikelompokkan mengikut kategorinya seperti kata nama penunjuk, kata penghubung, kata pertanyaan, kata sendi, kata menafi dan larang, kata hubung, kata pengecualian dan pelbagai huruf.

Dalam lampiran dua, penulis mengemukakan bentuk-bentuk kata ganti nama dan perubahannya. Sembilan bentuk kata (*wazn*) dipersembahkan dalam bahagian ini iaitu فَعْلُ أَفْعَلٍ، فَاعِلٌ، فَاعِلٌ، فَاعِلٌ، فَاعِلٌ، فَاعِلٌ، فَاعِلٌ، فَاعِلٌ، فَاعِلٌ. Ke semua acuan kata ini diberikan acuan kata kerja lampau (madhi), sekarang (mudari') dan kata perintah (amr). Kata-kata kerja ini berubah mengikut keadaannya (madhi, mudari' & amr) dengan penambahan atau pengurangan huruf dan ini juga dipersembahkan dalam lampiran ini dalam bentuk jadual.

Lampiran tiga dalam bahagian kedua pula menjelaskan tentang kata ganti nama mengikut kedudukan *i'rab*-nya. Kata ganti nama boleh berada pada kedudukan *al-raf'*, *al-mansub* dan *al-jarr*. Penjelasan ini juga dibuat dalam bentuk jadual.

Pembentukan kata terbitan (*masdar*) dalam bahasa Arab juga sering menjadi kesukaran kepada penuntut bahasa Arab. Perkara ini turut dibincangkan dalam buku ini. Panduan membentuk kata terbitan dalam bahasa Arab dipersembahkan secara sistematik menerusi jadual khusus yang dilampirkan dalam lampiran empat. Bentuk-bentuk kata terbitan ini juga tertakluk kepada sembilan acuan kata (*wazn*) yang dikemukakan dalam lampiran dua.

Satu lagi acuan kata yang diberikan perhatian dalam buku ini adalah kata nama pelaku. Kata nama pelaku merujuk kepada pelaku yang melakukan sesuatu pekerjaan seperti penulis, peniaga, guru dan sebagainya. Dalam bahasa Arab, kata pelaku ini dikenali menerusi bentuknya. Bagi kata kerja yang terdiri daripada tiga huruf seperti *قرأ كتب جلس* maka acuan bagi kata pelakunya adalah *فاعل* justeru ia menjadi *قارئ* (pembaca), *كاتب* (penulis), dan *جالس* (orang yang duduk).

Manakala bagi kata pelaku untuk kata kerja yang terdiri daripada empat huruf sehingga enam huruf, maka acuannya dibentuk dengan meletakkan huruf mim berbaris depan di hadapan perkataan dan huruf sebelum akhir dibariskan dengan baris bawah. Acuan ini membentuk kata pelaku seperti *معلم* (guru) *مجاهد* (orang yang berjihad) *متكبر* (orang yang takabbur). Kaedah pembentukan kata pelaku ini diterangkan dalam bentuk jadual dalam lampiran lima.

Satu lagi aspek penting dalam penguasaan kata adalah pengujian. Pengujian kosa kata merupakan mekanisme yang boleh dijadikan alat untuk mengukur sejauh mana seseorang itu menguasai kata. Memandangkan kepada kepentingan dan keperluan ujian dalam menilai penguasaan kata seseorang, maka penulis menyediakan satu set ujian kosa kata dalam lampiran enam.

Ujian kosa kata yang dilampirkan mengukur 50 perkataan yang dipilih daripada senarai kata yang terdapat dalam buku ini. Ujian ini berbentuk objektif dengan setiap item mempunyai tiga pilihan jawapan. Soalan datang dalam bentuk makna kata, kata berlawanan dan pernyataan maksud perkataan. Jumlah soalan ini sukar untuk menentukan sejauh mana perkataan dalam senarai ini dikuasai, namun ia sekurang-kurangnya boleh memberikan isyarat apa yang perlu dilakukan untuk menguasai kata dengan lebih baik.

Buku ini turut memberikan panduan dan petua mengingat perkataan dengan baik. Antara petua yang diberikan kepada pelajar, penuntut dan penutur bahasa Arab adalah membuat hafalan harian (*word of the day*). Pelajar, penuntut dan penutur disarankan untuk menghafal dan mengingat lima hingga 10 perkataan baharu setiap hari bagi mencapai sasaran penguasaan 3650 perkataan dalam tempoh satu tahun.

Petua kedua yang diberikan penulis adalah penguasaan kata berbantuan pemetaan. Prinsip *isytiqaq* atau derivasi yang merupakan ciri istimewa bahasa Arab perlu dimanfaatkan. Dengan kata lain, pelajar dituntut untuk mengaitkan semua perkataan yang terhasil daripada satu kata dasar agar makna asal kata tersebut dapat dihubung dengan makna yang baharu. Ini amat membantu pelajar memperluas jaringan kata mereka selain dapat mengekalkan hafalan.

Petua ketiga yang disyorkan penulis adalah menguasai semua perkataan yang terdapat dalam senarai ini. Ia adalah keutamaan kerana asas pemilihannya adalah kekerapan penggunaannya. Namun, sekiranya mereka tidak menemui perkataan dicari dalam senarai ini, mereka disarankan untuk menggunakan keupayaan meneka dan mengagak makna melalui kata dasar yang ada dalam senarai ini berdasarkan konteks ayat.

Secara umumnya, metodologi yang digunakan oleh penulis dalam karya ini sangat jelas dan bersasar. Pemilihan perkataan yang dilakukan mempunyai tahap relevansi yang tinggi dan wajar didedahkan kepada pembaca khususnya pelajar, penuntut dan penutur bahasa Arab. Sandaran yang digunakan adalah kajian yang bersifat *authentic* yang digunapakai di dunia Arab dan barat. Buku ini mempunyai kekuatan pemilihan kata yang kerap dan sering

digunakan dalam dunia akademik, kewartawanan mahupun kehidupan harian. Penulis juga cuba menyelesaikan isu pengabaian dalam pengajaran dan pembelajaran kata.

Isu yang ingin diketengahkan oleh penulis adalah isu kuantiti. Buku ini secara tidak langsung memberikan isyarat bahawa perkataan yang dikuasai oleh kebanyakan pelajar adalah tidak mencukupi. Dan sekiranya jumlah kata yang dikuasai adalah banyak, ia perlu juga perlu diberi perhatian tentang aspek kekerapan dan keutamaan. Kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya dalam kalangan bukan penutur jati yang kebanyakannya berpunca dari kekurangan menguasai perbendaharaan kata perlu menjadikan buku ini sebagai salah satu alternatif kepada jalan penyelesaian.

Pengajaran dan pembelajaran perkataan tidak diberikan hak dalam konteks pembelajaran bahasa. Pengajaran dan pembelajaran kata berhadapan dengan isu pengabaian. Pembelajaran kata tidak dipersembahkan secara eksplisit, tiada sasaran penguasaan yang jelas, tidak diberi penekanan dalam pengujian dan pentaksiran seterusnya menyebabkan aspek ini tidak mendapat perhatian khusus samada bagi pendidik mahupun pelajar. Justeru, melalui karya ini, penulis berusaha mencadangkan agar kata yang mempunyai kekerapan yang tinggi dari sudut penggunaan dan perkataan yang biasa didengar dan ditemui perlulah dikuasai oleh pelajar, penuntut dan penutur bahasa ini.

Inilah kekuatan yang ditonjolkan oleh penulis dalam karya beliau. Penulis mempunyai matlamat yang jelas dalam merubah persepsi masyarakat terhadap pembelajaran bahasa. Pembelajaran bahasa bererti penguasaan kata. Ia adalah komponen asas bahasa. Seseorang pelancong yang ingin memulakan pengembaraan di negara asing akan mencari kamus, atau buku-buku perbualan asas yang memiliki sejumlah perkataan asas dan bukannya buku sintaksis (nahu). Situasi ini menggambarkan betapa pentingnya kata dalam proses pembelajaran bahasa khususnya di peringkat awal pembelajaran.

Karya ini merupakan bahan bacaan akademik yang sesuai untuk guru dan penuntut bahasa Arab khususnya di peringkat pra-universiti /universiti. Kandungannya dilihat mengandungi jumlah dan kuantiti perkataan yang mencukupi dan memadai. Karya ini sangat bermanfaat untuk guru dan pelajar khususnya dalam usaha mengubah persepsi mereka terhadap pembelajaran kata yang sering dianggap mudah dan membosankan. Sebaliknya pembelajaran dan penguasaan kata perlu dilakukan secara eksplisit dan bersasar. Justeru, karya ini dicadangkan untuk bacaan setiap guru dan pelajar khususnya bagi pelajar bukan dari penutur jati sebagai alternatif memperluas kosa kata mereka secara eksplisit dan berpusatkan pelajar itu sendiri.

Abdul Razif Zaini (PhD)

Pusat Pendidikan ISESCO di Malaysia

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)